

**Jenis Akhbar** : Bernama Online  
**Tarikh** : 25/09/2017  
**Edisi / Muka Surat** : [www.bernama.com](http://www.bernama.com)

## **MAINJ, ANGKASA Bekerjasama Tingkatkan Tahap Sosioekonomi Umat Islam**

*Tarikh kemaskini: 25/09/2017*

JOHOR BAHRU, 25 Sept (Bernama) -- Kerjasama antara Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dalam membangunkan harta wakaf secara lebih progresif dan komprehensif di negeri ini, dilihat dapat meningkatkan tahap sosioekonomi umat Islam.

Pengerusi Jawatankuasa Agama Johor Abd Mutalip Abd Rahim berkata ia juga memberi peluang kepada MAINJ untuk merencanakan lagi pembangunan hartanah wakaf di Johor.

Katanya, sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam wakaf, MAINJ sentiasa bersedia membangunkan harta wakaf dengan mana-mana pihak bagi memanfaatkan umat Islam.

"MAINJ akan sokong selagi tidak bercanggah dengan kehendak hukum syarak. Tambahan, pencapaian wakaf dalam pembangunan hartanah dan wakaf tunai menunjukkan umat Islam semakin sedar untuk membantu saudaranya yang memerlukan," kata beliau berucap pada Majlis Pewakaf dan Penyerahan Bangunan Wakaf antara MAINJ dan ANGKASA di Uda Business Centre, Bandar Baru Uda, di sini, hari ini.

Menurut beliau, penyerahan bangunan itu merupakan kesinambungan usaha yang pernah dilakukan oleh MAINJ sebelum ini, antaranya membangunkan Hospital Wakaf Kencana di kawasan Bandar Baru Uda.

"Insya-Allah, ada lagi pembangunan lain termasuk di Pontian di bawah Baitulmal dan Perbadanan Islam Johor (PIJ). Ia bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.

"Pada masa sama, kita masih mengumpul dana wakaf kepada pelajar-pelajar selain untuk tujuan kesihatan seperti pembelian mesin-mesin dialisis," katanya.

Sementara itu, Presiden ANGKASA, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata pewakafan bangunan bernilai RM1.56 juta itu yang dibeli menggunakan dana Infaq Lil-Waqf, dilaksanakan berdasarkan hasrat para penyumbang.

"Apa jua perolehan yang diterima oleh bangunan ini nanti, 80 peratus akan diserahkan balik kepada dana Infaq Lil-Waqf manakala 20 peratus diserahkan kepada MAINJ.

Premis ini juga akan disewakan kepada peniaga dengan kadar sewaan yang kompetitif dan ia merupakan projek projek pertama kita dalam membangunkan ekonomi umat Islam," katanya.

-- BERNAMA